



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

PERJUMPAAN BERSAMA MAJLIS PERUNDINGAN MALAYSIA BAGI BUDDHA, KRISTIAN, HINDU, SIKH DAN TAOISME (MCCBCHST)

PUTRAJAYA, 18 September 2024 – YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara bersama YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) telah bertemu dengan Majlis Perundingan Malaysia bagi Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Taoisme (MCCBCHST) pada hari ini. Pertemuan ini, bertujuan untuk membincangkan isu berkaitan penempatan pegawai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di jabatan kerajaan dan kementerian.

Pelantikan KADER JAKIM sejak tahun 2006 adalah berdasarkan perjawatan yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui permohonan daripada Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan untuk **melaksanakan fungsi Hal Ehwal Islam sahaja. Ketika ini terdapat seramai 1,250 orang KADER JAKIM dan tiada perjawatan baharu di bawah pimpinan Kerajaan Perpaduan.** Pegawai ini hanya menjalankan fungsi perkhidmatan seperti berikut:

- I. Pembangunan Insan (Kemahiran Insaniah, Bimbingan Fardu Ain, dan Fardu Kifayah);
- II. Keselamatan (Kelas Agama, Pengukuhan Akidah, Bendung fahaman/ekstrimisme); dan
- III. Pencegahan (Bimbingan & Nasihat agama, Kelas Al-Quran & Fardu Ain, psikospiritual Islam, Pembangunan Insaniah).

Dalam perjumpaan ini juga telah diterangkan dan dijelaskan berhubung peranan yang dimainkan oleh KADER JAKIM. Ini jelas bahawa peranan KADER JAKIM di Kementerian/Jabatan adalah hanya tertumpu kepada hal ehwal Islam serta tidak berperanan dalam perihal penggubalan dasar atau hala tuju di Kementerian/Jabatan.

Untuk makluman, Kerajaan melalui Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Ogos 2020 telah bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (JK HARMONI). Jawatankuasa ini merupakan satu-satunya platform yang diwujudkan oleh Kerajaan untuk merapatkan jurang antara badan-badan agama Islam dan selain Islam serta berkongsi pandangan yang memberi manfaat kepada kesejahteraan masyarakat dan negara. Dua fungsi utama jawatankuasa ini adalah:

- I. mencadangkan kepada kerajaan berhubung pelaksanaan strategi yang bersesuaian serta berteraskan nilai-nilai murni keagamaan demi meningkatkan kefahaman dan keharmonian mengenai kepelbagaian agama; dan
- II. melaksanakan secara bersama aktiviti kesedaran dan keharmonian antara penganut agama demi manfaat masyarakat.

JK HARMONI bersidang dua (2) kali setahun dan dipengerusikan bersama oleh YB Menteri Perpaduan Negara dan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dengan keahlian seramai tiga (3) orang yang terdiri daripada wakil agensi dari Kementerian Perpaduan Negara (KPN), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), penganut agama islam seramai sepuluh (10) orang dan lima belas (15) orang mewakili penganut selain Islam.

Di bawah JK HARMONI juga terdapat tiga biro utama iaitu Biro Pengurusan Program dan Promosi; Biro Pendidikan dan Penerangan; dan Biro Pengurusan Isu dan Mediasi yang bertujuan untuk memastikan gerak kerja yang lebih efektif dalam melaksanakan inisiatif keharmonian antara agama di Malaysia.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, memohon agar semua pemimpin dan wakil agama di negara ini, mengoptimumkan platform Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (JK HARMONI) terutamanya Biro Pengurusan Isu dan Mediasi bagi membincangkan perkara-perkara sensitif berhubung penganut agama agar ia dapat diselesaikan secara harmoni.

Selain itu, YB Aaron Ago Dagang berkata setiap individu, tanpa mengira latar belakang agama, budaya, atau kepercayaan harus memainkan peranan aktif dalam memastikan masyarakat kita aman dan sejahtera. Kita perlu memahami bahawa setiap agama mempunyai nilai-nilai dan ajaran yang luhur. Menghormati

sensitiviti pelbagai agama bukan sahaja mencerminkan sifat kebersamaan kita, tetapi juga memperkukuh rasa saling menghormati dan memahami.

Menteri Perpaduan Negara turut menekankan bahawa keharmonian tidak datang secara automatik; ia perlu dibina dengan kesabaran, empati, dan komunikasi yang baik. Oleh itu, adalah penting bagi kita untuk terus mendidik diri dan masyarakat kita mengenai pelbagai agama dan budaya. Melalui pendidikan, kita dapat membina kesedaran yang lebih mendalam dan menghapuskan tanggapan negatif yang boleh memburukkan lagi keadaan.

Pertemuan pada hari ini telah menemui kata sepakat antara semua wakil/pemimpin agama Islam dan selain Islam berhubung polemik penempatan pegawai JAKIM. Kesemua pemimpin agama bersetuju agar akan memanfaatkan Biro Pengurusan Isu dan Mediasi dalam mencari solusi kepada isu, permasalahan atau polemik.

Kementerian Perpaduan Negara
18 September 2024